

WEKARE GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM CAPSULE

Glucosamine Sulphate Sodium Chloride 314mg, Chondroitin Sulphate Sodium 200mg, Methylsulfonylmethane 100mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule
2. Bagaimana WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule
4. Cara menggunakan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule
5. Semasa menggunakan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule

Ia digunakan sebagai terapi adjuvan untuk osteoarthritis (keradangan sendi kerana kemerosotan tulang rawan).

Bagaimana WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule berfungsi

Ia mengandungi *glucosamine* yang boleh merangsang penghasilan sebatian pembina rawan,, memulihkan sel-sel yang rosak pada tisu tulang rawan dan mempunyai sedikit keupayaan anti-radang. Ia juga mengandungi *chondroitin* yang diperlukan untuk penghasilan sebatian pembina rawan dan membantu untuk menjaga tulang rawan yang sihat dengan menyerap dan mengekalkan air di dalam sendi serta *methylsulfonylmethane* yang boleh membantu untuk membentuk tisu penghubung.

Sebelum menggunakan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil jika anda alah terhadap sebarang bahan kandungan yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan ambil jika anda alah kepada makanan laut.

- Sebelum menggunakan

1) Kesan pada metabolisme glukosa & agen antidiabetik: Ia telah dijangka bahawa glucosamine boleh menjejaskan rembesan insulin melalui perencatan kompetitif glucokinase dalam sel-sel beta pankreas dan / atau perubahan dalam pengambilan glukosa periferi. Glucosamine boleh meningkatkan rintangan insulin dan seterusnya menjejaskan toleransi glukosa. Ia boleh mengurangkan keberkesanan agen antidiabetik, contohnya apabila digunakan dengan agen antidiabetik: *Acarbose, Acetohexamide, Chlorpropamide, Glipizide, glyburide, Metformin, Miglitol, Pioglitazone, Repaglinide, Rosiglitazone, Glimepiride, tolbutamide, Troglitazone*, glucosamine mungkin selamat pada pesakit dengan diabetes yang dikawal dengan baik (HbA1c kurang daripada 6.5%) yang mengambil satu atau dua ubat antidiabetik oral atau dikawal oleh diet sahaja. Bagi pesakit yang mempunyai paras HbA1c yang lebih tinggi atau mereka yang mengambil insulin, paras glukosa darah harus dimonitor lebih rapat / kerap.

2) Keberkesanan dikurangkan apabila digunakan bersama glukosamine: *Doxorubicin, Etoposide, Teniposide*.

3) Warfarin - Peningkatan nilai serum International Normalized Ratio (INR) dan penguatkuasaan kesan antikoagulan – Jika rawatan serentak diperlukan, paras INR pesakit perlu dipantau dengan lebih teliti.

4) Elakkan kombinasi dengan chitosan kerana ia boleh membentuk kompleks dengan *chondroitin sulphate*, lalu mengurangkan penyerapannya.

Bukti yang sedia ada adalah tidak konklusif atau tidak mencukupi untuk penggunaan pada ibu hamil atau menyusukan anak. Sehingga maklumat yang lebih lanjut tersedia, produk ini hanya boleh digunakan di bawah pengawasan perubatan semasa kehamilan dan penyusuan jika manfaat kepada ibu melebihi risiko kepada janin dapat dijelaskan.

Penggunaan semasa 3 bulan pertama kehamilan mesti dielakkan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil ubat lain.

Cara menggunakan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Paling baik diambil semasa perut kosong, 30 minit sebelum makan.

Gejala osteoarthritis ringan atau sederhana:

2 kapsul dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya selama 6 minggu (atau mengikut preskripsi perubatan).

Gejala osteoarthritis yang teruk:

Terapi awal: 2 kapsul 3 kali sehari sekurang-kurangnya selama 8 minggu (atau mengikut preskripsi perubatan).

Terapi susulan: Terapi penyelenggaraan dengan 2 kapsul 2 kali sehari perlu diteruskan selama 3-4 bulan (atau mengikut preskripsi perubatan).

Rawatan perlu diulangi setiap 6 bulan sekali atau dengan kekerapan yang lebih singkat mengikut preskripsi perubatan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

WEKARE GLUCOSAMINE CHONDROITIN MSM CAPSULE

Glucosamine Sulphate Sodium Chloride 314mg, Chondroitin Sulphate Sodium 200mg, Methylsulfonylmethane 100mg

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rawatan penyelenggaraan perlu diteruskan selama 3–4 bulan (atau mengikut preskripsi doktor) dengan pengambilan 2 kapsul 2 kali sehari.

Rawatan boleh diulangi setiap 6 bulan atau dengan kekerapan yang lebih singkat mengikut preskripsi perubatan .

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda mengambil WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule secara berlebihan, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat kawalan keracunan dengan segera.

Semasa menggunakan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa-apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule.

Kesan- kesan sampingan

Kardiovaskular: *Peripheral oedema, tachycardia* telah dilaporkan pada beberapa pesakit osteoarthritis selepas kajian klinikal besar yang menyiasat penggunaan glucosamine secara oral untuk rawatan osteoarthritis. Hubungan antara sebab dan akibat belum ditubuhkan.

Central Sistem Saraf: Rasa mengantuk, sakit kepala, insomnia diperhatikan jarang berlaku semasa terapi (kurang daripada 1%).

Gastrosus: Loya, muntah, cirit-birit, dispepsia atau sakit epigastrik, sembelit, pedih hulu hati dan anoreksia jarang dilaporkan semasa terapi oral dengan glucosamine.

Kulit: Reaksi kulit seperti eritema dan pruritus telah dilaporkan dengan penggunaan terapeutik glucosamine.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Glucosamine Chondroitin MSM Capsule

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna putih diisi dalam kapsul keras.

Warna kapsul: *scarlet-scarlet*.

Saiz kapsul 0

Tiada tanda pada kapsul.

- Bahan- bahan Kandungan

- Bahan Aktif

Glucosamine Sulphate Sodium Chloride 314mg (bersamaan dengan *Glucosamine Sulphate 250mg*), *Chondroitin Sulphate Sodium 200mg* , *Methylsulfonylmethane 100mg*

- Bahan Tidak Aktif Tiada

- MAL number:

MALXXXXX

Pengilang

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Wen Ken Marketing (M) Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

01.10.2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/188